

300 lagi Sekolah Bestari diwujudkan di seluruh negara

UM - 3 NOV 2003

Oleh JAMDI NASIR

MARANG 2 Nov. — Kementerian Pendidikan akan menambah 300 buah lagi Sekolah Bestari di seluruh negara menjelang tahun 2005 dalam usaha meningkatkan penggunaan teknologi maklumat (IT) dalam sektor pendidikan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Abdul Rafie Mahat berkata, mengikut perancangan, sebanyak 100 buah Sekolah Bestari baru akan diperkenalkan pada tahun depan manakala 200 buah pada tahun 2005.

Menurut beliau, sebanyak 87 buah sekolah yang ada sekarang berjalan lancar mem-

babitkan semua sekolah asrama penuh dan sekolah-sekolah terpilih.

“Pada masa ini kita meminta negeri-negeri supaya mencadangkan sekolah yang akan dijadikan Sekolah Bestari ini pada tahun depan.

Rujukan

“Dengan itu nanti kita boleh melihat bagaimana pengurusan sekolah itu dilaksanakan dengan konsep bestari sama ada dalam pengajaran dan pembelajaran tetapi juga dalam aspek penilaian, kewangan dan sistem rujukan,” katanya.

Beliau berkata demikian

kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada majlis Kolokium Kajian Tindakan Bersama di Pusat Sumber Pendidikan Negeri, di sini hari ini.

Abdul Rafie berkata, masyarakat umum diminta tidak salah faham dengan konsep Sekolah Bestari ini dengan mendakwa bahawa sekolah-sekolah lain tidak mempunyai kemudahan komputer untuk pelbagai kegunaan pendidikan.

“Ini adalah pada konsep, seperti yang didakwa Penang Free School tidak mempunyai makmal komputer sedangkan di dalamnya ada 70 buah

komputer. Saya minta jangan timbul kekeliruan,” ujar beliau.

Sementara itu menyentuh mengenai cadangan pusat pengajian tinggi untuk mewujudkan kursus pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, beliau berkata, ia akan turut dilaksanakan di maktab-maktab perguruan.

Bagaimanapun, katanya, kementerian lebih menjurus kepada aspek kepimpinan, pemikiran dan sikap dalam kursus-kursus tertentu.

“Aspek kepimpinan yang boleh dicontohi ini juga akan didedahkan kepada pengetua melalui kursus-kursus,” katanya.